

UTUSAN KAMPUS UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



Bil. 5 / 2020 Edaran Dalam Sahaja

Infografik Pandemik Covid-19 di Sabah	Muka Hadapan
Sidang Readaksi	2 m/s
Berita Sana Sini	3 – 19 m/s
Rencana	20 – 22 m/s
Infografik	23 m/s

COVID-19 PANDEMIK

PERKEMBANGAN TERKINI (SABAH)


Dua Kes Baharu

- (1) Kes di Kota Kinabalu
- (1) Kes di Pitas

Kedua-dua kes ini dikategorikan sebagai jangkitan tempatan dan punca jangkitan masih dalam siasatan.

Biasakan Diri dengan Norma Baharu

- Elakkan 3 S
- Sesak
- Sempit
- Sembang Dekat



**Duduk di Rumah
 Kerap Basuh Tangan
 Jarak 1 Meter**

**Sumber :
 Kenyataan Media
 Pengarah Kesihatan Sabah**

2 Utusan Kampus

PENAUNG

Dr. Marsitah Mohd. Radzi

Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

PENASIHAT

Dr. Norhuda Salleh

Pensyarah Kursus Penyuntingan (AK20903)

PENGARAH

Amir Naquiddin Bin Mohd Akib (BA18110413)

KETUA EDITOR

Rusliana Binti Elias (BA18110168)

KAPI EDITOR

Azira Binti Amri (BA18110635)

Nurazzan Binti Asnain (BA18161127)

Nurul Syafiqah Binti Yahya (BA18110538)

PEREKA GRAFIK

NurKhalisa Farhain Binti Dulamid (BA18161013)

EDITOR BERITA

Haula Binti Darwis (BA18110628)

Nur Hafidah Binti Jaratul (BA18110820)

Suhaiza Binti Abdul Muis (BA18110831)

Siti Nur Atikah Binti Pramlee (BA18110847)

EDITOR RENCANA

Noridayu Binti Johnny (BA18110421)

Alfera Pingteo (BA18110471)

EDITOR FOTO

Nurul Nabilah Binti Suaibul (BA18161075)

WARTAWAN

Liu Meng (BA17271111)

Muhammad Eddin Bin Mohamad Yasin (BA18110422)

Errnawati Mastar (BA18110838)

Nur Shahirah Binti Abdul Muhmin (BA18110918)

Sulzaini Singa (BA18110866)

Norhidayahtulaimey Binti Abdullah (BA18110825)

Pendidikan Norma Baharu Bukan Suatu yang Baharu



Dari sebelah kiri Muhammad Syahril bin Sainal selaku moderator, sebelah kanan Prof. Madya Dr. Ramzah Dambul menjadi tetamu jemputan. FOTO Laman Rasmi Kelab Rakan Masjid (KRM, UMS)

Oleh: **NUR HAFIDAH BINTI JARATUL**
BA18110820

20 Jun, Kota Kinabalu, Sabah- Kelab Rakan Masjid Universiti Malaysia Sabah (KRM, UMS) mengadakan satu siaran langsung di laman rasmi *facebook official* KRM 20 Jun 2020, jam 2 petang mengenai "Pendidikan Norma Baharu" yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Ramzah Dambul selaku Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi UMS) dan Muhammad Syahril bin Sainal selaku moderator yang merupakan timbalan presiden KRM.

"Pendidikan Norma baharu bukanlah suatu perkara yang baharu, sebelum pandemik berlaku sudah ada norma lama yang beberapa tahun lalu pernah diperbaharui maka ini adalah suatu kebiasaan," kata Dr Ramzah.

Satu pertukaran besar dalam norma pendidikan khusus kepada pendidikan tinggi, kerana berganjak dari pendidikan berteraskan kemahiran fizikal kepada pendidikan berteraskan keberhasilan (Out come) iaitu OBE (*Out come best education*) satu pendidikan yang memberi pengetahuan empirikal.

"Pendidikan berteraskan kokurikulum tidak *sustainable* bila pensyarah cuma mengajar kemahiran akademik dalam bidang masing-masing maka itu tidak cukup untuk sediakan pelajar dengan kehidupan sebenar didunia," ujar Dr Ramzah.

Tambahnya lagi, "sekadar berteraskan kokurikulum tidak berapa kuat, 10 tahun dahulu telah diubah pendekatan dari kokurikulum *best* ke *out come best* (OBE)."

"Apa yang cuba dibuat ialah kita ingin menjadikan pendidikan ini sebagai satu penghasilan yang menyeluruh tentang falsafah pendidikan sebenar, maka pelajar perlu belajar menggunakan platform digital secara menyeluruh," kata beliau. "Pelajar jangan mengharap penyarrah untuk membuat pertemuan bersemuka tapi pelajar perlu berusaha sendiri mencari ilmu pengetahuan," ujarnya.

Ciri utama norma baharu bergerak ke arah digital dan OBE memberi mesej agar pelajar bertindak aktif dalam pendidikan terutama pada peringkat pengajian tinggi.

"Kini pendidikan maya terjadi maka pelajar telah pun dipaksa secara sendirinya untuk berdikari dan melepaskan segala kedegilan selama ini untuk tidak hanya berharap pada pensyarah," tambah beliau.

Akhir sesi tersebut, Dr Ramzah menyatakan, "pendidikan norma baharu yang dihadapi sekarang adalah suatu lanjutan dari kehendak pendidikan kita 10 atau 12 tahun dahulu, namun disebabkan pandemik COVID-19 ini, kita dipaksa menerapkan norma baharu dengan lebih cepat.

PENTINGNYA BERFIKIRAN POSITIF SEMASA PANDEMIK COVID-19



Prof. Madya Dr. Puteri Hayati Megat Ahmad mengulas topik pemikiran positif. Gambar daripada *Facebook* Universiti Malaysia Sabha (UMS)

Oleh: **SITI NUR ATIKAH BINTI PRAMLEE**

BA18110847

20 April, Kota Kinabalu, Sabah- Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan program bual bicara mengenai topik pemikiran positif dalam strategik daya tindak semasa pandemik COVID-19 yang berlangsung di *facebook* rasmi UMS.

Dalam pengupasan topik tersebut telah dilaksanakan oleh Prof. Madya Dr. Puteri Hayati Megat Ahmad selaku Pengetua Kolej Kediaman Tun Fuad UMS dan telah moderator selaku pengurus program ini ialah Encik Azmi Haris.

Beliau berkata, "pemikiran positif itu penting kerana akan mempengaruhi tingkah laku dan emosi pelajar pada masa sekarang akibat pandemik COVID-19 ini."

Beliau juga turut menjelaskan bahawa pergerakan pelajar semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah sangat terhad.

"Pelajar perlu menghadkan pergerakan mereka sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini dengan tidak melepasi pintu masuk utama Universiti dan orang luar juga tidak dibenarkan masuk kedalam kawasan UMS demi menjaga keselamatan serta melindungi mereka daripada jangkitan COVID-19" ulas beliau.

Tambah beliau lagi, "selain menghadkan pergerakan pelajar, aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran, kuliah serta aktiviti dalam kolej kediaman yang dianjurkan juga tidak boleh diadakan serta merta akibat pandemik ini."

Oleh itu, terdapat pelbagai cara yang dilakukan oleh pihak kolej untuk memberikan semangat kepada pelajar agar berfikir positif semasa pandemik COVID-19 antaranya aktiviti *online*, karaoke, pertandingan Tik tok dan *Mobile Legends* dimana setiap pertandingan yang diadakan mempunyai hadiah berupa wang tunai.

Jelas beliau "setiap aktiviti yang dilakukan oleh para pelajar pihak kolej turut memastikan peraturan seperti penjarakan sosial terus dipatuhi."

"Aktiviti dari aspek kerohanian seperti menunaikan solat jumaat berjemaah tidak dapat dilakukan tetapi bagi aktiviti mengaji telah dilakukan secara *online* semasa bulan Ramadhan kerana COVID-19 ini adalah satu ujian untuk melihat sejauh mana kekuatan kita untuk menghadapi perkara tersebut," tambah beliau lagi.

Ulas beliau sebelum menamatkan sesi "PKP sememangnya telah menghadkan secara fizikal pergerakan kita tetapi tukarlah yang negatif itu kepada positif dimana kita mempunyai banyak masa untuk diri sendiri, memperbaiki hubungan interpersonal, dan berusaha."

MENGENALI KOMUNIKASI UNTUK PEMBANGUNAN



Poster menunjukkan tarikh dan masa berlangsungnya live bersama dengan Encik Latif Lai

Oleh: **ERNAWATI MASTAR**
BA18110831

5 Jun, Kota Kinabalu, Sabah- Mengenal komunikasi untuk pembangunan Slot bersama Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) iaitu Encik Latif Lai yang merupakan pensyarah alumni 1999, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan melalui siaran langsung *Facebook* Pusat Kerjaya alumni Universiti Malaysia Sabah pada 5 Jun 2020 bersamaan pada hari Jumaat jam 10 pagi.

Beliau berkata dalam slot tersebut, dalam sekolah sains sosial terdapat tiga bidang pengajian yang terawal iaitu Komunikasi, Hubungan Industri dan Hubungan Antarabangsa.

"Dalam Sekolah Sains Sosial atau dikenali sebagai Fakulti Sains Sosial dan kemanusiaan ini terdapat tiga bidang pengajian yang terawal ditubuhkan iaitu antaranya bidang Komunikasi, Hubungan Industri dan Hubungan Antarabangsa".

Bidang komunikasi juga amat penting pada masa ini, dimana ilmu komunikasi sangat luas dan mampu digunakan dalam apa jua keadaan seperti yang beliau jelaskan bahawa konsep komunikasi pembangunan sudah lama wujud yang mana ia spekulasi yang orang selalu katakan sebagai perubahan tingkah laku kepada masyarakat.

Kata beliau "dalam komunikasi pembangunan juga digalakkan melakukan penyelidikan ataupun penilaian bukannya hanya membuat andaian semata-mata dalam melakukan

sesuatu perkara serta melakukan analisis berkaitan penyelidikan agar kita fahami dengan apa yang cuba kita sampaikan kepada orang lain".

Beliau mengulas lagi "contohnya, apabila kita melakukan sesebuah kempen, kita perlulah mengetahui bahawa siapa sasaran utama penonton dan bagaimana untuk menarik perhatian mereka agar lebih minat terhadap kempen tersebut"

Kempen dalam media sosial dapat memberikan kesan kepada masyarakat dan memberikan kefahaman yang berbeza kerana setiap mesej yang disampaikan perlulah mempunyai unsur yang berterusan seperti yang dikatakan oleh beliau dalam slot tersebut.

"Salah satu yang dapat dikaitkan dalam komunikasi pembangunan ialah "Interm of Trust" dimana dalam menyampaikan mesej sesuatu kempen perlulah konsisten dalam memastikan pesanan diterima dengan berkesan oleh penonton" tambah beliau lagi sebelum menamatkan slot beliau.

Kemahiran temuduga bantu dapatkan peluang pekerjaan

The poster is for an 'EIS CAREER LAB Live Session'. It features logos for the Malaysian Ministry of Human Resources Development (KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA), PERKESO, and EIS (EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM). It is in collaboration with PERSOLKELLY. The topic is 'Interviewing Skills', scheduled for 2.00PM on 30 April 2020 (Thursday). The speaker is Edwin Chan, Director - Strategic Client Solutions at PersolKelly Consulting Sdn Bhd. The session is accessible via Cisco Webex with Meeting No. 915 369 973 and Password pScXMRpK235. The EIS Jobs logo and website URL (https://eisjobs.perkeso.gov.my) are also present, along with social media icons for Facebook, Twitter, LinkedIn, and Instagram.

Pengarah Strategic Client Solutions - CTO & HRC, Edwin Chan sebagai *speaker* dalam tajuk kemahiran temuduga. - Foto Laman Rasmi EIS Perkeso

Oleh: **NURAZZAN BINTI ASNAIN**
BA18161127

30 April, Kota Kinabalu, Sabah- Masalah kurang kemahiran dalam menjalankan proses temuduga yang dihadapi oleh para pekerja yang memohon pekerjaan di sesebuah syarikat menyebabkan permohonan mereka tidak diterima oleh majikan. Pengarah Strategic Client Solutions - CTO & HRC, iaitu Edwin Chan sebagai *speaker* telah berkongsi teknik temuduga melalui bengkel peralihan kerjaya atas talian pada 30 April 2020.

Beliau berkata, "latar belakang saya pernah berkali-kali hilang mata pencarian kerja, mencari kerja semula dan jatuh talak niaga, apa yang saya ingin kamu lakukan bukan hanya teori tapi lebih kepada praktikal."

Menurutnya, terdapat lima prinsip utama apabila menghadiri sesuatu temuduga iaitu berpakaian dengan betul, tiba tepat pada waktunya, bahasa badan, mengharapkan sesuatu yang tidak dijangka dan bertanyakan soalan.

"Ambil sedikit masa untuk *dressing* dan *make up* bagi kaum hawa dan kemaskan rambut bagi kaum adam, jangan memakai terlalu banyak cincin serta barang kemas," kata Edwin Chan.

Beliau berkata lagi, kita haruslah selalu mempersiapkan diri dengan membawa dokumen yang disimpan di dalam fail, salinan resume, sijil dokumen sokongan serta testimoni sebelum menghadiri temuduga.

Tambah beliau, faktor temuduga yang berjaya bergantung kepada aktif mendengar agar kita dapat mengetahui soalan seterusnya dari penemuduga.

"Jika sudah menghantar banyak permohonan kepada majikan, saya sarankan tolong senaraikan dalam buku nota, tuliskan kepada siapa memohon perkerjaan, *contact person*, bila hantar, bila buat susulan sebab majikan akan menentukan pilihan mereka," katanya lagi.

Jelas beliau, setiap pekerjaan atau jawatan yang dimohon dalam setiap syarikat perlu berlainan, mungkin sama tapi perlu berlainan kerana setiap pekerjaan yang diberikan mempunyai kriteria-kriteria tersendiri, tidak semua akan sama.

Beliau berkata lagi, "*make friend with HR person*, bukan hanya *HR person*, *make friend with the tea lady*, *receptionist*, *security guard*, pak cik yang memandu kereta, sementara menunggu boleh berkenalan, beramah atau boleh juga temu ramah orang-orang yang bekerja dalam syarikat."

Pengarah Strategic Client Solutions, Edwin Chan menyatakan melalui interaksi kecil ini, pekerja dapat mengetahui mengenai syarikat dan majikan. Berkenalan dengan penyambut tetamu juga adalah penting disebabkan selepas temuduga akan mudah untuk membuat proses susulan.

"Pergi ke laman web korporat sebelum hadiri temuduga, buat semakan budaya korporat syarikat tersebut, objektif, matlamat, identiti korporat" tambahnya dalam bengkel peralihan kerjaya tersebut.

EMOSI PELAJAR SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)



Kiri ke kanan, Vicknesh Nadarajah , Carrie Grace Jaymess dan Nurnazirah binti Mohd Fudjari sedang berbual santai tentang emosi semasa PKP : Dari perspektif pelajar di Universiti Malaysia Sabah (UMS).
– profile rasmi FB UMS

Oleh : **ALFERA PINGTEO**
BA18110471

23 APRIL, KOTA KINABU, SABAH – Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa ketiga, pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan siaran langsung pada 23 April 2020, 12pm tentang emosi semasa PKP : Dari perspektif pelajar melalui profile rasmi *Facebook* (FB) UMS.

Carrie Grace Jaymess, pegawai Psikologi kanan dilantik sebagai moderator dan Vicknesh Nadarajah pelajar tahun 3 program Psikologi Kaunseling dan Nurnazirah binti Mohd Fudjari pelajar tahun 2 program Pendarasan Islam telah dijemput sebagai panel untuk berkongsi pengalaman mereka sepanjang PKP fasa 3 di UMS.

Dua pelajar tersebut berkata lama-kelamaan mereka berasa semakin tertekan dan sedih disebabkan situasi tersebut.

Vicknesh Nadarajah atau digelar Vicky berkata, "perubahan emosi yang saya alami bermula dengan kebosanan di bilik tapi lepas dua minggu menjadi tertekan kerana tidak tahu mahu buat apa lagipun berjauhan dengan keluarga penambah kesedihan".

Nurnazirah binti Mohd Fudjari atau Zirah pula berkata, "penggal pertama saya memang susah sebab duduk seorang, fasa kedua saya *mental breakdown* disebabkan tiada kawan

untuk bercakap, bagi mengatasi ini saya berhubung dengan kawan seblok tetapi apabila PM umum PKP akan berlangsung ke fasa ketiga saya nangis sebab terlalu penat memotivasikan diri."

Namun begitu, mereka telah berusaha untuk mengawal emosi dengan menonton wayang, membuat tugas dan berusaha untuk berinteraksi dengan kawan-kawan sekeliling.

Nasihat dua pelajar ini kepada siswa dan siswi lain dalam membantu kawan sekeliling adalah memberi sokongan sosial kepada rakan sekeliling, berinteraksi dengan mereka dan melibatkan mereka dalam aktiviti seharian. Mereka juga memberi pesanan kepada semua pelajar universiti bahawa mereka bukan berseorangan, perlu banyak bersabar dan kekal positif.

Di akhir siaran, moderator telah memberi empat tips untuk mengurus emosi negatif iaitu melalui kesibukan, mengelak *triggers*, mendapat rehat yang mencukupi dan mendengar muzik.

BERITA PALSU BUKANLAH SESUATU BENDA YANG BAHARU



Pensyarah kanan fakulti sains sosial dan kemanusiaan (Encik Lai Che Ching) bersama dengan moderator (Azmi Haris). FOTO- Laman Rasmi Facebook UMS

Oleh: **HAULA BINTI DARWIS**
BA18110628

14 April, Kota Kinabalu, Sabah- Seorang pensyarah dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) mengupas mengenai masalah berita palsu (*fake news*) ini bukanlah sesuatu benda yang baharu semasa siaran langsung yang bertempat di laman rasmi *facebook* Universiti Malaysia Sabah (UMS) semalam.

Encik Lai Che Ching berkata "berdasarkan pengamatan, *fake news* ini bukanlah sesuatu yang baharu ianya sudah lama ada. Istilah berita palsu adalah sesuatu yang baharu namun fenomena berita palsu sudah lama wujud di mana perkataan berita palsu mula dicetuskan dan menjadi popular oleh Donald trump."

Sehubungan dengan itu, beliau turut mengatakan berita palsu boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu *disinformation*, *misinformation* dan *malinformation*.

Penggunaan media sosial menjadi penyumbang terhadap penyebaran berita palsu. "Statistik 2019 menunjukkan purata rakyat Malaysia memperuntukkan tiga jam menggunakan media sosial daripada 24 jam sehari bermaksud banyak purata yang diperuntukkan oleh rakyat

Malaysia dalam penggunaan *smartphone* sehari. Ini merupakan sesuatu perkara yang dapat menyumbang kepada kenapa *fake news* tersebut menjadi begitu popular" katanya lagi.

Apabila ditanya pendapat beliau mengenai cara lain yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk mengurangkan masalah berita palsu ini, beliau mengatakan dengan adanya krisis seperti covid yang berlaku sekarang, pihak kerajaan boleh memberikan informasi kepada rakyat melalui dua pihak sahaja iaitu melalui pihak Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kesihatan Malaysia secara langsung di televisyen bagi mengelakkan kekeliruan maklumat.

Menurutnya lagi, salah satu cara yang digunakan untuk mengesan berita palsu ialah dengan merujuk sumber yang asal serta merujuk kepada sumber kedua dan ketiga supaya dapat mengurangkan lagi masalah penyebaran berita palsu.

Penerimaan masyarakat terhadap norma baharu kehidupan seharian



Pengunjung mematuhi operasi standard(SOP) dengan memakai pelitup muka.-Foto diambil oleh Norhidayahtulaimey Abdullah

Oleh: **NORHIDAYAHTULAIMEY BINTI ABDULLAH**
BA18110825

9 Jun, Kota Kinabalu, Sabah - Masyarakat semakin menerima baik norma baharu iaitu mengamalkan penjarakan sosial dan kerap menjaga kebersihan diri bagi memastikan penularan rangkaian wabak COVID-19 yang mengancam nyawa dapat diputuskan.

Tinjauan yang dijalankan di lokasi bandar Kota Kinabalu mendapati bahawa setiap pengunjung serta orang ramai mematuhi operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan dalam mengelakkan penularan wabak tersebut.

Pekerja kakitangan kerajaan, Azrul 33 tahun berkata pematuhan SOP yang ditetapkan oleh Kementerian kesihatan harus dipuji kerana menitikberatkan keselamatan masyarakat daripada penularan wabak yang mengancam nyawa masyarakat.

"Norma baharu kehidupan lebih mementingkan aspek kebersihan seperti kerap mencuci tangan, memakai pelitup muka ketika keluar dan pensantasi tangan merupakan amalan seharian masyarakat hari ini." katanya lagi ketika ditemubual.

Menurutnya, amalan norma baharu yang telah ditetapkan tidaklah begitu sukar kerana ia perlu diamalkan supaya kekal sihat dan selamat.

Bagi salah seorang pekerja Upperstar, Zalikha Edayah 23 tahun berkata, beliau mendapati bahawa pelanggan yang datang tidak mempunyai masalah dalam mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan.

"Hari ini saya bertugas diluar pintu masuk bagi memastikan suhu badan dan juga pelanggan memakai pelitup muka sebelum masuk.' Ujarnya lagi.

Dia juga berkata, "jika didapati suhu badan yang melebihi suhu yang telah ditetapkan maka pelanggan tersebut tidak dibenarkan masuk ke premis mengikut arahan oleh pihak pengurusan. Amalan lain yang turut diamalkan adalah dengan mencatat nama dan nombor telefon pelanggan."

Rakyat negara harus peka terhadap kebersihan diri dan memahami peranan masing-masing dalam merealisasikan terma kata '**kita jaga kita**'. Kerjasama tersebut perlu dilakukan oleh semua pihak agar dapat mematuhi SOP dan melaksanakan norma baharu dalam memutuskan penularan wabak penyakit COVID-19 ini.

Menurutnya lagi, jika norma ini diamalkan secara berterusan tidak akan mengundang masalah kerana dapat melatih diri masyarakat untuk terus mengamalkan kebersihan diri dalam kehidupan seharian mereka.

Tambahan itu, apabila amalan ini telah lama dipraktikkan dalam diri akan menjadi kebiasaan serta masyarakat dapat menerima dengan biasa sebagai amalan harian mereka.

UMS: Penyelidikan dan Permasalahan Berikutan Pandemik COVID-19



Poster Sesi E-Townhall bersama Timbalan Naib Canselor- laman rasmi facebook UMS

Oleh : **AZIRA BINTI AMRI**
BA18110635

5 Mei, Kota Kinabalu, Sabah- Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) telah mengadakan sesi e-Townhall yang bertajuk *Research and Innovation in UMS: Moving towards the new normal* bagi membincangkan mengenai permasalahan penyelidikan dan inovasi berikutan pandemik secara langsung di laman rasmi Facebook UMS pada 5 Mei 2020 yang lalu.

Dr. Ramzah Dambul berkata antara masalah yang dikenalpasti bagi penyelidikan dan inovasi antaranya ialah masalah isu dari segi ekosistem, kapasiti dan juga kolaborasi.

"Kolaborasi antara penyelidik *Junior* (baharu) dan juga *Senior* (lama) adalah sangat kurang dipraktikkan oleh mereka. Kombinasi sebegini seharusnya diwujudkan bagi memudahkan penyelidikan dijalankan iaitu gabungan antara penyelidik baharu dan lama." ujarnya lagi.

Kajian yang dilakukan daripada masalah yang timbul menyebabkan pelan baharu diwujudkan daripada masalah yang telah dikenalpasti. Terdapat tujuh ciri dan juga 9 niches yang mempunyai 44 sub niches.

Menurut Dr. Ramzah juga, dana tidak boleh dibagi secara terus jika para penyelidik itu berada di bawah pengurusan fakulti.

Oleh sebab itu, bengkel diadakan bagi memudahkan para penyelidik berada dalam satu kumpulan supaya pentadbiran yang dijalankan dapat dilakukan dengan lancar.

Salah satu kunci dalam pembaharuan pelan yang dinyatakan, COVID-19 merupakan salah satu contoh dalam melakukan inovasi. Daripada 29 proposal, 18 telah diluluskan berkenaan mengatasi covid-19 manakala yang terbaharu pula adalah sebanyak 45.

Ini merupakan salah satu cara untuk membantu hospitaliti dan juga barisan hadapan.

Manakala, dari segi jumlah peruntukan untuk setiap penyelidikan pula, ianya tertakluk kepada skop dan keperluan sesuatu penyelidikan tersebut.

Diakhir sesi tersebut, sesi soal jawab dilakukan bagi menjawab persoalan dari penonton siaran langsung tersebut.

SUMBANGAN HARI TERAKHIR RAMADHAN KERJASAMA ANTARA SANDAKAN PRIHATIN DAN PAS LIBARAN



Wakil PAS Kawasan Libaran memberikan sumbangan kepada penduduk Kampung Sampah, Sandakan. – Foto Info PAS Sandakan

Oleh: **MUHAMMAD EDDIN BIN MOHAMAD YASIN**

BA18110422

23 Mei, Sandakan, Sabah – Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan, sebuah agensi NGO iaitu Sandakan Prihatin giat menghulur bantuan kepada mereka yang memerlukan sepanjang tempoh PKP. Tambahan pula Ramadhan kali ini disambut semasa tempoh PKP. Semestinya banyak rakyat Malaysia terputus bekalan makanan dan Ramadhan mereka mungkin tidak begitu indah seperti sebelumnya.

Sandakan Prihatin dengan kerjasama PAS Kawasan Libaran bergerak bersama – sama bagi menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Bantuan ini juga tidak akan dapat diberikan jika tidak ada sumbangan daripada orang awam yang sangat prihatin terhadap saudaranya.

Kampung Sampah, Sandakan adalah antara lokasi yang dituju di hari terakhir dalam bulan Ramadhan lalu. Sumbangan kali ini diberikan kepada 100 keluarga, berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada wakil mereka. Jenis bantuan yang dapat disumbangkan pada kali ini berbentuk beras sebanyak 10kg sekeluarga. Sumbangan ini berdasarkan dana yang telah

diperoleh daripada orang awam di sekitar Sandakan yang sangat prihatin terhadap isu masyarakat setempat.

Semasa hari berkenaan, En Wahid berkata “janganlah mensia-siakan keberkatan bulan Ramadhan dengan perbanyakkan berdoa dan memohon keampunan kepada Allah.” Tambahan itu, beliau mengingatkan agar mendoakan kebaikan kepada para penyumbang dan petugas agar diberikan ganjaran selayaknya oleh Allah S.W.T.

Pas Kawasan Libaran bersama Sandakan Prihatin akan sentiasa peka terhadap masalah yang dihadapi oleh masyarakat Sandakan, sama ada dalam tempoh masa PKP ataupun selepas tempoh PKP.

Namun begitu, aktiviti kemanusiaan yang dijalankan tidak akan terlaksana sekiranya tiada sokongan oleh orang awam yang prihatin terhadap masalah – masalah yang dihadapi masyarakat Sandakan.

Inovasi serunding sayur mampu mengoptimumkan sumber persekitaran

Bengkel 2: *Serunding Kubis?*
Mengoptimum
Kearifan Tempatan
kenapa Tidak?

Tarikh: 14/04/2020

FBLive: Jurry Foo

kita bincang...

Jumpa kita nanti
jam 3.00ptg-3.20ptg

Bersama Dr. Jurry Foo
Pensyarah Kanan, FSSK, UMS
MyJICA Alumni Malaysia
FellowResearcher, BORIIS, UMS

Poster cara pembuatan serunding kubis dari Dr Jurry Foo. FOTO- dari Facebook live Jurry Foo

Oleh: **NURUL SYAFIQAH BINTI YAHYA**
BA18110538

14 April, Kota Kinabalu, Sabah- Pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr Jurry Foo mengadakan bengkel siri kedua bertajuk serunding kubis menerusi *Facebook live* beliau pada 14 April 2020, jam 4 petang untuk berkongsi maklumat mengenai inovasi serunding sayur.

Pembuatan Serunding Kubis yang disiarkan pada *Facebook* beliau merupakan campuran daripada beberapa jenis sayuran yang disatukan seperti lobak, batang brokoli, kubis, bawang goreng dan banyak lagi. Penyatuan sayur-sayuran ini menghasilkan satu serunding yang lazat.

"Sesetengah orang ada yang tidak makan batang sayur brokoli, kita jangan buang batang itu, sebaliknya kita boleh jadikannya serunding", kata beliau sebelum memulakan sesi menggoreng sayur.

Beliau mendapat inspirasi menghasilkan serunding sayur ini kerana berlakunya lambakan sayur di Kundasang, Ranau.

Siaran langsung di *Facebook* beliau bukan sahaja disajikan dengan penyediaan resepi masakan serunding kubis tetapi juga diselitkan dengan hasrat beliau agar masyarakat memanfaatkan dan menghargai sumber-sumber yang ada.

Menurut beliau mengikut situasi sekarang iaitu perintah kawalan pergerakan ini menyebabkan penjual tidak dapat menjual sepenuhnya sayuran mereka dan tidak dapat menyimpan sayur mereka dalam jangka masa yang lama.

Oleh itu, Dr Jurry menyarankan agar penjual sayur di Kundasang tidak risau sekiranya hasil jualan mereka tidak habis kerana lebih sayuran itu mereka boleh proses sendiri untuk dijadikan serunding bagi mengelakkan pembaziran sumber.

" Saya hanya ingin berkongsi ilmu kerana bukan sahaja peniaga dan penjual yang dapat berniaga pada tempoh PKP ini berlangsung. Kemungkinan suri rumah juga dapat menjadikan ia sebagai pendapatan sampingan. Oleh itu, saya ingin mengoptimumkan kearifan tempatan dalam tempoh PKP ini berlangsung," katanya lagi.

Menurut beliau, beliau bukan sahaja ingin berkongsi ilmu berkenaan 'mengoptimumkan kearifan tempatan' tetapi juga untuk menggalakkan suri rumah mendapat pendapatan sampingan melalui penjualan serunding kubis ini.

Dr. Jurry Foo bukan sahaja merupakan pendidik dan ahli akademik yang mengambil bidang Biogeografi tetapi beliau juga ingin berkhidmat untuk masyarakat sekeliling. Bidang pengkhususan beliau iaitu geografi sosial dijadikan sebagai pendorong beliau untuk mengoptimumkan sumber dan memanfaatkan persekitaran.

Diharapkan masyarakat dapat mengikuti jejak langkah pendidik tersebut untuk memanfaatkan sumber yang ada demi kelangsungan hidup.

PEMINJAM WAJIB TAHU BAYARAN PTPTN



Kupasan Pinjaman PTPTN dari Sharin Abdul Rahim- laman Rasmi Facebook Alumni

Oleh : **SUHAIZA BINTI ABDUL MUIS**
BA18110831

17 Jun, Kota Kinabalu, Sabah— Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) iaitu Encik Sharin Abdul Rahim mengadakan siaran langsung di laman rasmi Pusat Kerjaya Dan Alumni UMS pada 17 Jun, 10 pagi dan topik yang beliau bincangkan adalah berkaitan dengan perkara wajib yang perlu diketahui oleh peminjam dan pembayaran PTPTN.

"Peminjam bukan sahaja hanya perlu membayar pinjaman PTPTN malah peminjam juga wajib untuk mengetahui perkara penting dalam proses peminjaman dan pembayaran PTPTN agar tidak menimbulkan sebarang masalah dikemudian hari," kata beliau.

Oleh itu, peminjam sememangnya perlu mengetahui perkara-perkara yang berkaitan dengan bayaran PTPTN kerana perkara ini penting bagi memudahkan dalam urusan pembayaran seperti yang dikatakan oleh beliau.

"Terdapat beberapa perkara yang perlu diketahui oleh peminjam dan salah satunya adalah baki pinjaman PTPTN kerana terdapat sesetengah peminjam hanya melakukan pembayaran dan tidak mengambil tahu tentang baki semasa," katanya.

"Peminjam boleh menyemak baki pinjaman di mana-mana cawangan PTPTN bagi mengetahui baki pinjaman semasa" kata beliau lagi.

Selain itu, Seperti yang dikatakan oleh Sharin bahawa ansuran bulanan juga merupakan perkara yang penting dalam yang perlu difahami dan diketahui oleh semua peminjam ketika membayar PTPTN.

"Sebagai peminjam perlu mengetahui berapa jumlah insurans yang perlu di bayar setiap bulan dan membuat semakan bagi memastikan bayaran yang diberikan adalah tepat bagi memastikan tidak berlakunya baki tunggakan dalam memastikan tiada kesalahan yang berlaku, peminjam perlu memastikan dan mengetahui tempoh bayaran balik PTPTN."

Beliau berkata mengakhiri topik ini "jika ingin mendapat atau membuat semakan terhadap peminjaman boleh terus berhubung dengan mana-mana cawangan PTPTN yang berada di Malaysia."

KOMUNIKASI VS INTERAKSI MAHASISWA SEMASA COVID-19



Sumber: Facebook UMS OFFICIAL

Oleh: **NUR SYAHIRAH BINTI ABDUL MUHMİN**
BA18110918

16 APRIL, Kota Kinabalu, Sabah: Dr. Syahrudin Bin Awang Ahmad merupakan seorang pengetua Kolej Kediaman Excellent merangkap Pengerusi Majlis Pengetua-Pengetua Kolej Kediaman (MaPEK) Universiti Malaysia Sabah. Beliau juga merupakan salah satu pensyarah di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UMS dalam bidang komunikasi dan juga merupakan salah satu pengulas politik. Dalam siaran langsung beliau telah membahaskan satu topik iaitu "Komunikasi dan Interaksi Mahasiswa dalam Suasana Pandemi Covid-19" di sebuah Facebook yang merupakan Laman Rasmi Universiti Malaysia Sabah iaitu dinamakan UMS.OFFICIAL pada 16 April 2020 pukul 12.00 tengahari.

Dr. Syah berkata dalam siaran langsung tersebut bahawa "tanpa interaksi tiadalah komunikasi manakala tanpa komunikasi tiadalah interaksi" hal ini dikatakan demikian kerana jika seseorang itu berinteraksi secara tidak langsung satu komunikasi semasa interaksi tersebut. Interaksi dan komunikasi mempunyai saling kaitan yang penting bagi melengkapi sesama yang lain.

Komunikasi dalam konteks ilmiah dikatakan seperti apa-apa yang kita lakukan untuk berkongsi antara satu individu dengan individu yang lain. Komunikasi boleh dilakukan secara

langsung iaitu secara bersemuka ataupun secara tidak langsung iaitu dengan melalui media sosial. Interaksi pula adalah satu pergaulan atau aktiviti yang harus dilakukan secara bersemuka atau berkumpul atau bersama-sama dengan kata lain minimum dilakukan dua orang individu yang berlainan.

"interaksi semasa covid-19 disyaratkan seperti diwujudkan penjarakkan sosial" menurut Dr. Syah dalam siaran langsung tersebut. Interaksi sebelum covid-19 dapat kita lihat iaitu terdapat program-program, kuliah secara bersemuka dan lain-lain namun begitu setelah pandemik Covid-19 ia semua berubah kepada satu interaksi yang jauh lebih berbeza dari asal iaitu lebih kepada interaksi secara alam maya.

Dalam siaran langsung juga ada menyebut tentang komunikasi sihat, Dr. Syahrudin juga berkata "aspek penting dalam komunikasi sihat adalah topik berkaitan, maklum balas yang bermanfaat dan juga impak kepada pendengar". Bagi para komunikasi yang terkenal bahawa komunikasi ini amat mementingkan kemahiran mendengar agar jika kita menyampaikan sesuatu kita kena tepat berdasarkan apa yang kita dengar.

KESAN COVID-19 KEPADA PARA PELAJAR



Para pelajar UMS yang menunggu giliran untuk pulang ke kampung halaman ketika PKP. Foto-Laman Rasmi Facebook UMS

Oleh: **SULZAINI BINTI SINGA**
BA18110866

6 Mei, Kota Kinabalu, Sabah- *Coronavirus* ataupun COVID-19 yang melanda telah memberi banyak kesan terhadap para pelajar di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Coronavirus menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) merupakan satu virus semula jadi. Para saintis percaya bahawa virus yang tersebar pada masa kini datang daripada pasar haiwan eksotik di Wuhan, China. *Coronavirus* juga merupakan satu virus yang baru yang dapat menjangkiti saluran pernafasan manusia dan haiwan. Jangkitan virus ini juga sama seperti jangkitan selesema yang lain dan komplikasi lebih teruk kepada golongan yang mempunyai imunisasi badan yang lemah seperti warga emas dan golongan yang mempunyai penyakit yang kronik.

Oleh itu, COVID-19 ini telah memberi kesan kepada seluruh masyarakat termasuk para pelajar tidak kira dari sekolah rendah ataupun sekolah menengah serta institusi pengajian tinggi (IPTA). Kesan Corona Virus terhadap para pelajar di IPTA ialah IPTA telah diarahkan untuk tutup dan tidak dibenarkan menghadiri kelas secara bersemuka sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020.

Selain tidak dapat menghadiri kelas, pelajar yang telah terkandas di Universiti masing-masing telah diarahkan untuk tidak meninggalkan Universiti dan diarahkan untuk duduk di kolej kediaman masing-masing. Hal tersebut telah menimbulkan banyak perspektif dan kesan terhadap pelajar dari segi emosi dan fizikal.

"Pengalaman saya sendiri ketika terkandas di Universiti Malaysia Sabah selama 45 hari saya merasakan perasaan yang bercampur baur antara takut dan juga bersyukur. Saya bersyukur

kerana pihak Universiti sendiri telah menyediakan begitu banyak bantuan kepada kami sepanjang PKP berlangsung."- Kata Amir, pelajar Universiti Malaysia Sabah.

Tidak dinafikan sepanjang para pelajar terkandas di Universiti masing-masing pelbagai bantuan dan sumbangan dari kerajaan dan NGO telah meringankan beban pelajar di Universiti. Selain bantuan yang diberi, para pelajar juga telah diberikan pengangkutan secara percuma untuk balik ke kampung halaman masing-masing.

Namun, ketika pelajar telah diarahkan untuk pulang ke kampung halaman masing-masing, kelas secara bersemuka pula telah digantikan sepenuhnya secara atas talian. Hal tersebut telah mengundang pelbagai kesan kepada para pelajar. Salah satunya seperti pelajar menghadapi kesukaran untuk mengikuti kelas secara atas talian kerana tidak mempunyai akses internet yang memuaskan.

Selain itu, pelajar juga mempunyai kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan keadaan pembelajaran secara atas talian kerana pembelajaran secara atas talian dikatakan kurang efektif kepada para pelajar. Persekitaran yang tidak kondusif juga menjadi kesan yang harus dilalui oleh para pelajar.

Oleh itu, COVID-19 ini telah memberikan pelbagai kesan kepada para pelajar dan diharapkan agar ada penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi.

KOTA BELUD DILANDA BANJIR TELAH MENYUKARKAN PERJALANAN LALU LINTAS



Pasukan penyelamat sedang menyelamatkan mangsa banjir di kawasan perkampungan kota belud untuk dihantar ke tempat yang disediakan iaitu Dewan Tun said Keruak-FOTO INFO KOTA BELUD

Oleh: **NUR HAFIDAH BINTI JARATUL**
BA18110820

15 Julai, Kota Belud, Sabah-- Sebanyak 15 kampung di daerah Kota Belud setakat ini terjejas akibat banjir susulan hujan lebat yang berterusan selama 7 ke 8 jam sejak jam 3 petang kelmarin. Paras sungai yang naik ke kawasan jalan utama Kota Belud telah menyukarkan perjalanan masyarakat untuk ke mana-mana terutama jika hendak pergi ke pekan Kota Belud.

Ketua Kampung Kota Belud (Timbang Dayang) Hj Atong bin Atoh, 56, berkata hujan lebat turut menyebabkan peningkatan paras air sungai terus melimpah ke kawasan jalan utama dan mencecah paras berjaga-jaga 4.39 meter.

"Setakat ini, hujan sudah berhenti namun ia menyebabkan kawasan rendah termasuk jalan raya untuk laluan ke pekan sudah dinaiki air sejak jam 4 petang tadi". Hal ini menyukarkan masyarakat kampung di daerah ini bergerak ke mana-mana terutama sekali jika hendak ke pekan Kota Belud untuk membeli barangan keperluan dirumah.

Beliau berkata, selain jalan utama dan infrastruktur di daerah itu terjejas, ia juga menjelaskan pertanian sawah padi orang kampung sekitar ini, kerana sudah mula ditanam sejak bulan Jun lalu. Keadaan banjir yang berlaku tahun ini memberi kesan buruk hampir pelbagai sektor.

"Pengguna kenderaan disarankan menggunakan laluan alternatif bagi mengelakkan kemalangan jiwa" Katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, Hj Atong bin Atoh berkata diminta semua masyarakat kampung mengekalkan sikap berjaga-jaga terutama kanak-kanak kecil, selaku ibu bapa harus memerhati anak-anak yang suka bermain air.

Sebelum akhiri, beliau turut memberitahu sentiasa sediakan bekalan simpanan makanan yang secukupnya dan bekalan air minum bersih untuk mengelakkan kebuluran sepanjang kesukaran untuk pergi ke pekan Kota Belud bagi membeli barangan rumah.

BESAR KELEBIHAN MENGERJAKAN IBADAH KORBAN



Ust. Dr. Sarip Adul, Pengarah Pusat Islam, UMS sebagai penceramah dalam bicara ilmu: "Fiqh Ibadah Qurban dan Akikah". – Foto laman rasmi *facebook* Pusat Islam UMS

Oleh: **NURAZZAN BINTI ASNAIN**
BA18161127

10 Julai, Kota Kinabalu, Sabah – 20 hari lagi sebelum umat Islam menyambut Hari Raya Aidiladha, sebuah perkongsian bicara ilmu mengenai fiqh ibadah qurban dan akikah telah disampaikan oleh penceramah Ustaz Dr. Sarip Adul, seorang Pengarah Pusat Islam, UMS menerusi aplikasi *facebook* Pusat Islam UMS secara siaran langsung dan juga aplikasi *google meet*.

Dalam siaran langsung tersebut, beliau berkata, "bila kita berbicara tentang ibadah korban, ibadah korban ini sangat besar kelebihannya."

"Ia bukan ibadah yang disyariatkan hanya kepada umat Muhammad, bahkan ibadah korban ini merupakan ibadah yang telah disyariatkan kepada umat-umat terdahulu, mungkin cara pelaksanaannya berbeza." Jelas beliau lagi.

Menurut Ustaz Dr. Sarip Adul, dari aspek pensyariatannya mungkin berbeza dari satu umat ke satu umat yang lain.

Tambah beliau lagi, jika berbicara tentang hukum ibadah korban, dalam mazhab shafi'e hukum ibadah korban adalah sunat muakkad. Hal ini kerana disebut oleh imam Nawawi, ia adalah sunat aid yang bermaksud setiap orang sangat digalakkan.

"Setiap orang paling kurang sekali kena buat ibadah korban macam mengerjakan ibadah haji, paling kurang sekali, kalau kita mampu mengerjakan haji, maka wajib kita kerjakan." Katanya.

Melalui perkongsian bicara ilmu oleh beliau, antara kelebihan orang yang mengerjakan ibadah korban yang pertama adalah akan mendapat keampunan. Hal ini disebabkan apabila seseorang itu melihat titisan darah yang pertama binatang yang disembelih akan diampunkan segala dosanya dan kedua adalah mendapat syafaat jika ikhlas melakukannya.

Beliau berkata, "mudah-mudahan Allah S.W.T memberikan kita anugerah rezeki untuk kita sama-sama dapat menyertai ibadah korban pada tahun ini dan semoga kita dapat melaksanakannya berpanjangan, kalau boleh setiap tahun."

Melalui pengalaman beliau ketika berada di negara Arab, boleh dikatakan hampir setiap rumah paling kurang memilih seekor kambing dan dianggap satu benda yang mengaibkan jika tidak melakukan ibadah korban tersebut.

CARA MENGATASI EMOSI SEMASA PKP BERLANGSUNG



Dr. Nur Farhana Ardillah Aftar dan Azmi Haris sedang melakukan *Live Session* di Facebook Rasmi UMS

Oleh: **AMIR NAQUIDDIN BIN MOHD AKIB**
BA18110413

9 April, Kota Kinabalu, Sabah- Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah membuatkan siaran langsung di akaun Facebooknya mengenai sebuah program iaitu *Coping with MCO*. Program siaran langsung ini dibuat pada jam 2.00 petang. Tetamu jemputan dalam program tersebut adalah Dr. Nur Farhana Ardillah Aftar. Beliau merupakan Pensyarah Fakulti Psikologi dan Pendidikan. Beliau mengajar dalam Psikologi Klinikal. Manakala Moderator bagi program tersebut adalah Azmi Haris.

Program tersebut menceritakan masalah yang dihadapi oleh seluruh masyarakat mengenai keadaan mereka sepanjang berada dalam situasi PKP ini yang berlangsung lamanya. Dr Nur Farhana menjelaskan mengenai Psikologi Klinikal terlebih dahulu dan fungsi-fungsinya. Psikologi Klinikal merupakan kerja untuk membantu orang bagi mengatasi masalah tekanan hidup mereka dalam seharian. Kerja-kerja mengenai psikologi tersebut boleh berkerja di Hospitaliti, kauseling dan sebagainya dalam mengenai masalah tekanan hidup.

Dalam masalah tekanan hidup leh masyarakat dalam PKP ini berlangsung, Dr Nur Farhana turut menjelaskannya, beliau mengatakan terdapat cara untuk mengadaptasikan masalah tersebut. Menurut beliau, secara asasnya pihak kerajaan Malaysia telah melaksanakan *stay at home* yang bermaksud duduk di rumah sehinggalah masalah penularan Covid-19 dapat diatasi, namun terdapat masalah sekiranya duduk secara lama oleh masyarakat. Hal ini mampu menyebabkan tekanan hidup bakal berlaku.

Bagi mengelakkan perkara tersebut berlaku, Dr Nur Farhana telah memberitahu bahawa hendaklah mengisi masa harian sepanjang PKP berlangsung dengan cara yang tersendiri. Hal ini kerana setiap manusia mempunyai pelbagai jenis sifat yang tidak sama.

Selain itu, Dr Nur Farhana juga berpesan kepada masyarakat sekiranya terlalu bosan duduk di rumah, maka carilah aktiviti yang baharu dalam tempoh berada dalam rumah. Hal ini kerana bagi menghilangkan tekanan hidup oleh masyarakat Ketika berada dalam kediaman masing-masing.

Sekiranya berlakunya emosi yang tidak stabil ketika terlalu lama berada di rumah sepanjang PKP ini hendaklah berusaha untuk merasa tenang. Hal ini bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku. Dan juga ingin menjadikan masyarakat yang hidup sihat sejahtera.

Dan juga sekiranya tidak dapat fokus dalam melakukan sesuatu kerja, hendaklah berhenti sementara. Hal ini akan menyebabkan gangguan emosi akan berlaku sekiranya tidak dapat dielakkan dengan baik.

Oleh itu para masyarakat hendaklah duduk diam dalam rumah sepanjang PKP berlangsung sehinggalah keluarnya arahan daripada pihak kerajaan Malaysia untuk dilepaskan keluar, dan juga masyarakat perlu mengamalkan gaya hidup sihat supaya dapat menjadikan masyarakat yang sihat dan ceria selalu.

Musa'adah YADIM Mahasiswa Malaysia Sabah

Covid-19 kepada Universiti



Pengerusi Rakan Siswa YADIM iaitu Muhammad Fakhru Hakimin diikuti wakil Majlis Pimpinan RSY UMS menjalankan tugas mengagihkan bantuan. Foto- Facebook Samin Ongki

Oleh : **RUSLIANA BINTI ELIAS**
BA18110168

27 April, Kota Kinabalu, Sabah- Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Sabah pada 27 April telah memberikan sumbangan kepada mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah ketika Perintah Kawalan pergerakan berlangsung.

Pengumuman Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam perutusan khas berkenaan Covid-19 yang telah mengarahkan penutupan IPTA pada seluruh negara telah menyebabkan mahasiswa yang berada di Universiti terpaksa menjalankan PKP di Kolej Kediaman masing-masing. Oleh itu, pihak YADIM Sabah berbesar hati untuk memberikan sumbangan kepada mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah.

Program Musa'adah Covid-19 YADIM Sabah tersebut telah menyalurkan sumbangan sebanyak 200 pek bantuan kepada mahasiswa di UMS untuk meringankan lagi beban yang melanda.

Pengarah YADIM Sabah, Samin Ongki telah menyalurkan sumbangan berbentuk barangan keperluan harian kepada mahasiswa yang memerlukan bantuan melalui Pengerusi Rakan Siswa YADIM UMS iaitu Saudara Muhammad Fakhru Hakimin dalam satu bentuk majlis yang ringkas.

Sumbangan ini telah diagih-agihkan di setiap kediaman dalam UMS seperti Kolej kediaman Excellent, Kolej Kediaman Tun Mustapha dan juga Kolej Kediaman Tun Fuad.

Muhammad Fakhru Hakimin merupakan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah yang menjadi wakil untuk mengagihkan sumbangan ini dengan Kerjasama Majlis Pimpinan RSY UMS.

Sebelum Universiti Malaysia Sabah, YADIM Sabah juga telah mengadakan program yang sama kepada mahasiswa di UITM Sabah dan Kawasan sekitar Kota Kinabalu.

Bagi meneruskan program Musa'adah Covid-19 YADIM di Sabah, orang ramai dialu-alukan untuk menyumbang kepada tabung YADIM Peduli Covid-19 melalui laman web YADIM dan klik pada ruangan 'Sumbangan Dana' di halaman utama. Setelah itu, ikuti panduan yang telah diberikan sehingga habis

Diharapkan setiap sumbangan yang diberikan dapat meringankan lagi beban orang ramai yang terjejas akibat pandemik Covid-19 ini.

Pembukaan sekolah secara berperingkat

Oleh : **AMIR NAQUIDDIN BIN MOHD AKIB**
BA18110413

BALING (24 Jun)- Sekolah Menengah Kebangsaan Bongor dibuka semenjak 24 Ogos 2010. Ia juga merupakan sekolah yang berada di kawasan luar bandar. Penerima sekolah tersebut kepada pelajar sebanyak satu ribu pelajar.



Papan tanda nama Sekolah Menengah Kebangsaan Bongor

Sebelum pembukaan, kakitangan pihak sekolah telah melakukan pelbagai persiapan dalam mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan Malaysia. Hal ini bagi bertujuan untuk menjaga keselamatan dan kesihatan para pelajar dan kakitangan sekolah.

Antara langkah penjarakkan sosial yang dilakukan di Sekolah Menengah Kebangsaan Bongor adalah, menjarakkan meja murid antara satu sama lain, menjarakkan penjalan kaki, menyediakan **hand sanitizer** kepada pelajar sebelum masuk sekolah dan lain-lain.

Pada 24 Jun 2020, Sekolah Menengah Kebangsaan Bongor telah dibuka semula secara berperingkat, semua kakitangan turut turun padang untuk memberi bantuan dengan mengawal pelajar ketika memasuki ke sekolah tersebut. Hal ni bertujuan bagi mengelakkan berlakunya pelanggaran SOP yang telah ditetapkan. Puan Zur Aiza Binti Abdul Hamid, Pengetua SMK Bongor turut turun padang untuk menunggu pelajar di pintu masuk sekolah sejak dari awal pagi lagi bagi membantu mengawal perjalanan masuk ke sekolah. Hal ini membuktikan bahawa beliau amatlah sangat menitikberatkan mengenai SOP dan penjarakkan sosial oleh pihak kerajaan.



Pengetua sedang melakukan pemeriksaan suhu dan memberi handsanitizier kepada pelajar

Melakukan SOP atau penjarakkan sosial ini amatlah perlu oleh pihak sekolah bukan sahaja di SMK Bongor, namun semua sekolah di seluruh Malaysia. Hal ini kerana pihak kerajaan telah mengeluarkan kenyataan supaya semua sekolah di Malaysia mengikut SOP yang telah ditetapkan. Sekiranya terdapat sekolah yang tidak mengikut SOP yang telah ditetapkan tindakan selanjutnya akan dikenakan terhadap sekolah tersebut.

Oleh hal demikian, pihak SMK Bongor mengikut prosedur SOP yang ditetapkan bagi memastikan keselamatan pelajar lebih terjamin. Selain itu, pihak sekolah turut bekerjasama dengan Balai Polis daerah Baling dan Pejabat Pendidikan Daerah Baling. Hal ini bertujuan bagi memantau keadaan sekolah untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan dan membuat laporan keadaan sekolah selepas penerimaan pelajar semula.



Pihak berwajib yang turun padang semasa pembukaan sekolah

Tuan Hisyammuddin, pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Baling turut turun padang bagi meninjau keadaan sekolah tersebut bagi membuat laporan semasa sebelum dihantar ke pejabat pendidikan. Beliau turut ditemani oleh pengetua dan pegawai Polis dalam memantau para pelajar di dalam kelas.



Tuan Hisyammuddin yang menunjukkan laporan semasa SMK Baling

Tuan Hisyammuddin berkata SMK Bongor merupakan sekolah yang perlu dipantau kerana pihak pejabat pendidikan telah membahagikan tugas kepada kakitangan mereka untuk meninjau sekolah-sekolah yang telah dibahagikan. "Selama sehari berada di sekolah, keadaan sekolah dalam keadaan baik dan teratur," katanya. Malah beliau turut memuji keberkesanan dan kecekapan para kakitangan dalam memastikan SOP dipatuhi. Hal ini kerana pihak sekolah tersebut telah menjalankan SOP dengan keadaan yang baik dan teratur.

Pegawai polis dari Balai Polis Daerah Baling, Inspektor Mazlini, Pegawai Polis dari Balai Polis Daerah Baling merupakan individu yang sangat penting dalam menjaga keselamatan warga.

Menurut Inspektor Mazlini, tugas beliau adalah untuk menjaga keselamatan para pelajar di sekolah tersebut sebelum memasuki ke sekolah. Pihak polis juga menjaga laluan jalan raya di hadapan sekolah. Selain itu, pihak polis juga turut memberi beberapa sumbangan kepada SMK Bongor ini iaitu *hand sanitizer*, penutup muka, dan buku kecil untuk merekod suhu badan pelajar.



Inspektor Mazlini menceritakan keadaan SMK Baling

"Sepanjang mengawal pergerakan pelajar yang menaiki kenderaan di pintu masuk, semuanya berada dalam keadaan terkawal dan baik," katanya. Beliau juga memuji para pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bongor. Hal ini kerana para pelajar sekolah tersebut amat mematuhi arahan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah dan polis. Bukan itu sahaja dapat memudahkan urusan dalam mereka dalam memastikan keadaan sekolah baik dan teratur.

Dengan adanya pihak polis, ia mampu mengelak para pelajar yang menaiki kenderaan masing-masing melakukan kesalahan seperti memotong barisan ketika masuk ke dalam sekolah. Hal ini kerana SOP yang dijalankan oleh pihak sekolah adalah membenarkan pelajar yang menaiki kenderaan masuk secara bergilir-gilir.



Encik Kamal menceritakan mengenai pembukaan semula sekolah

Encik Kamal, guru mata pelajaran Bahasa Melayu telah berkhidmat sebagai guru di sekolah tersebut selama 11 tahun. Beliau berasa sangat gembira dengan pembukaan semula SMK Bongor.

"Saya agak bosan sekiranya berada di rumah pada waktu yang lama," katanya. Oleh itu beliau berasa seronok kerana tempat beliau bekerja dapat dibuka semula. Beliau kini dapat menyambungkan bakti beliau untuk mengajar di SMK Bongor.

Harapan beliau adalah ingin membuat yang terbaik untuk menabur khidmat beliau sebagai guru selepas pembukaan sekolah. "Saya juga berharap kepada pelajar supaya rajin belajar dengan bersungguh-sungguh dan jangan mudah putus asa sekiranya tidak dapat belajar secara baik disebabkan keadaan yang tidak mengizinkan," katanya. Hal ini kerana SOP ini amat perlu dipatuhi demi kesihatan dan keselamatan semua pihak.

Keadaan SMK Bongor menunjukkan pada hari pertama pembukaan dalam keadaan yang baik. Kerjasama oleh pihak Pendidikan Daerah Baling dan Balai Polis Baling ini mampu meringankan lagi beban pihak sekolah dan membantu dalam menjamin keselamatan pelajar dan kakitangan sekolah

A New Normal Post Covid-19

By: **LIU MENG**

BA17271111

Coronavirus (COVID-19) infections took the world by storm including in Malaysia. As numbers of active cases increased, the Malaysia government took action by implementing Movement Control Order (MCO) as a preventive measure of this pandemic. MCO was implemented on 18 March 2020.

As we progressed into the year, the situation improved in regards of this pandemic, people in Sabah began to go out. Sabah began to feel alive once more, but public places are not as accessible as before, due to the COVID-19 threat that is still present and public places still need to be safe.

Upon entering Malaysia Recovery Movement Control Order (RMCO) phase, various economical sectors began to resume operation, including some of the largest shopping malls in Kota Kinabalu.

In contrast with the first few phases of MCO, where only stores that provided basic necessities such as some restaurants and grocery stores, could operate normally, however with certain rules such as dine in at restaurants are prohibited, customers can only order take outs. Other than that, the rest of the shops were closed.



Customers checking their temperature before entering a restaurant in 1 Borneo Mall.

During the MCO period, many small home-made businesses have the chance to be developed, most of which were food delivery services. They have benefited from this situation as many customers are ordering takeaway as people cannot dine in restaurants, most people will choose to order takeaway to solve this problem.

As the situation regarding COVID-19 gradually improved, restaurants now can accommodate customers while still adhering to Standard Operation Procedure (SOP) and other shops are permitted to resume operation.


That said, restaurants must have an employee at the entrance to check the temperature of each incoming customer and each customer must write their names, phone numbers and body temperature on a register that has been prepared before entering the premises.

Upon entering the restaurants, some seats are crossed off as an action in complying with safe social distancing between customers. This however still could not suppress customer's willingness to eat or hang out in the shops.

Even in this current improved situation, in the dimly lit shopping mall, only a few people can be seen passing by as people began to go shopping or wander at will while still taking precautions such as wearing masks and using hand sanitizers.

However, businesses still suffer a great loss during this tough time. As according to Ayyle, an employee who works in a jewellery store, "We lost a lot of income during the MCO period and looked forward to opening every day, otherwise the loss would be too huge. Now, things are getting better, but it's still not as good as before with the absence of regulatory action."

As everything started to resume normally, there are already a lot more customers in the shopping mall compare to the MCO period. Customers can be seen bustling in the shopping mall but they still need to adhere to SOP rules, which some may find it troubling.



Customers walk around in Imago Shopping mall with masks on

Xiao Minyiting, a Chinese overseas student studying in University Malaysia Sabah (UMS), said that it is a hindrance to shop in this way as he needs to register information and take his temperature every time he went into a store.

So sometimes when passing by a shop, he will look at display in the front of the shop to make sure there is something he wants before going in to take a closer look.

During MCO period, educational institutions were forced to close. Nevertheless, education must go on. Online classes are the new norms for all educator and students alike.

Teachers are starting new classes through online platform, adjusting new syllabus, and even though there are some difficulties in proceeding in online classes, they are still trying their best to push the curriculum forward. As we enter the RMCO phase, schools started to reopen in phases.

Government agencies have also begun to operate. In fact, during the MCO period, many foreigners in Malaysia are troubled as they will need to reapply and extend their visas. As embassies are closed, foreigners, especially students, who have expired their visas, worried about problems such as whether they will face a series of penalties. Now with the government departments' reoperations, foreigner's problems such as visa renewals can be solved.

It is noted that when mentioned all educational institutions are closed, it too includes higher educational institutes. Therefore, getting in campuses are off limit unless it is to access the essential facilities such as in house clinics.

In regards of that, UMS access control is not lax. Zhang Xiaoyan, a UMS student from China said: "When a sick student wants to access to UMS Pusat Rawatan Warga, they will be stopped at the main gate by the security. Outside vehicles are strictly not permitted to enter the university. All the information must be recorded upon entering UMS. Then Pusat Rawatan

Warga will be informed and students need to wait for them in the main gate to be taken to the clinic."

After attending to the sick students, Pusat Rawatan Warga provides transportation to take them home but it is not often. Usually the clinics' staff will only take students to the main gate and students will have to find a way back home themselves.

Zhang Xiaoyan believes that although it is very troublesome to do so, it is necessary to do so at a special time like this. Additionally, she commented, "it's a lot better now that UMS can let most of Grab in, although we still have to get off at the gate to sign upon entry."

During MCO, students especially those who are from faraway place face challenges in returning to their hometown. Majority students wanted to go home but their air tickets were often cancelled. It is a hassle to get back home. But with current situation, they are likely to get home smoothly because the cancellation rate is much lower.

In controlling the travel bans, Malaysia still does not allow citizens from other countries to enter, but for foreigners, leaving the country is relatively easy.

Pei Yuang, an international student in Malaysia who is about to return to China, said: "Before going back, I did not expect Malaysia MCO to end soon or the situation will get better after it ends. For the whole time, it is so boring to stay at home!"

PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19

ELAK 3S/3C

Jika tidak dapat dielakkan, jaga jarak 1 meter

- 1 Sesak**

Tempat yang sesak
- 2 Sempit**

Tempat sempit dan tertutup
- 3 Sembang dekat**

Bersebang dekat-dekat

AMALKAN 3W

- 1 Wash (Cuci)**

Kerap cuci tangan dengan air dan sabun
- 2 Wear (Pakai)**

Pakai pelitup muka
- 3 Warn (Amaran)**
 - 
Jangan bersalaman atau bersentuhan
 - 
Lakukan Disinfeksi
 - 
Dapatkan rawatan jika bersejela
 - 
Amalkan etika batuk dan bersin

